

Teluk Intan: Peluang Untuk BN Kembalikan Maruah?

Bernama

May 13, 2014

Fokus Berita Oleh Alan Ting

KUALA LUMPUR, (Bernama) -- Apakah pilihan raya kecil kerusi Parlimen Teluk Intan boleh menjadi medan untuk Barisan Nasional (BN) mengembalikan maruahnya selepas tewas di kawasan pilihan raya itu pada kedua-dua Pilihan Raya Umum (PRU) yang lalu?

Meskipun 7,313 undi majoriti yang diperoleh DAP pada PRU ke-13 menjadi cabaran besar untuk BN, ini tidak bermakna BN tidak ada peluang, meskipun hanya di atas kertas.

Senario ini jauh berbeza apabila dibandingkan dengan pilihan raya kecil kerusi Parlimen Bukit Gelugor yang akan diadakan pada 25 Mei in. BN, jika bertanding, jelas berdepan dengan cabaran sengit memandangkan mendiang Karpal Singh yang juga bekas pengerusi DAP mencatat majoriti amat besar iaitu 42,706 pada PRU13.

Pada PRU ke-13, Presiden Gerakan Datuk Mah Siew Keong tewas di Teluk Intan kepada calon DAP, Seah Leong Peng in Teluk Intan.

Bagaimanapun, Seah meninggal dunia akibat kanser pada 1 Mei. Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan 19 Mei sebagai tarikh penamaan calon dan hari pengundian pada 31 Mei.

Ahli strategi parti menyatakan sejak 1995, kawasan pilihan raya itu telah melalui lima PRU dan satu PRK dengan kedua-dua DAP dan Gerakan-BN, masing-masing menang sebanyak tiga kali.

Dalam perkataan lain, mereka percaya BN masih mempunyai peluang untuk menang.

"Pada PRU 2013, Mah menerima 74 peratus undi Melayu, 15 peratus undi Cina dan 50 peratus undi India meskipun BN kalah dengan 7,313 undi.

"Kebanyakan undi untuk DAP datang dari kawasan Dewan Undangan Negeri Pasir Bedamar sementara Changkat Jong adalah kawasan BN," kata pengarah eksekutif Institut Penyelidikan dan Pembangunan Sosio-Ekonomi (SEDAR), Ivanpal S. Grewal.

SEDAR ialah kumpulan pemikir parti Gerakan.

Oleh yang demikian, untuk menang, jentera pilihan raya BN perlu berusaha keras memandangkan sokongan orang Cina untuk BN telah berkurangan dengan banyaknya.

"Di kawasan pilihan raya yang majoritinya Cina iaitu DUN Pasir Bedamar, sokongan untuk BN hanya kira-kira 28 peratus sementara DAP mempunyai kelebihan 72 peratus atau 10,749 undi.

"Dengan 57 peratus sokongan BN datang dari Changkat Jong, ia masih belum cukup untuk menandingi kelebihan 10,749 undi untuk DAP," katanya.

DUN Pasir Bedamar dan DUN Changkat Jong adalah dua kerusi di bawah kerusi Parlimen Teluk Intan. Pada PRU-13, BN memenangi kerusi Changkat Jong sementara Pasir Bedamar dimenangi DAP.

BN tidak mempunyai pilihan selain daripada mendapatkan lebih banyak sokongan orang Cina seperti yang mereka lakukan sewaktu pilihan raya kecil DUN Kajang.

Pada PRK itu, sokongan orang Cina untuk BN meningkat daripada 15 kepada 30 peratus.

"Malahan sewaktu kami kalah dengan 7,313 undi pada PRU lepas, jangan lupa fakta kami juga menang di Teluk Intan pada 2004 dengan majoriti besar.

"Pada PRK 1997, kami tewas di Teluk Intan dengan sebanyak 2,916 undi tetapi pada PRU 1999, kami menawannya balik menerusi Mah dengan 2,783 undi.

"BN menerusi Mah mengekalkan kerusi itu lagi pada PRU 2004 dengan majoriti 9,836 undi," kata Ivanpal.

Hanya pada PRU 2008 dan 2013 mereka melihat perubahan dalam pola pengundian dengan pengundi muda, terutamanya di bawah umur 50 tahun mengundi DAP.

Bagaimanapun, ahli strategi parti masih yakin BN berpeluang memperbaiki kedudukan di kawasan pilihan raya itu kerana mereka percaya DAP berada dalam kedudukan yang lemah akibat beberapa isu semasa negara.

Pertama, krisis air di Selangor yang menyebabkan Pakatan Rakyat (PR) yang turut dianggotai DAP dikecam hebat.

Kedua, terdapat pertelingkahan dalam Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan percanggahan pendapat di kalangan anggota pakatan tentang perlaksanaan Hudud di Kelantan.

"Ini menyebabkan ada pihak menyoal keberkesanan PR. Bagi saya, pengundi Cina juga praktikal dan boleh membaca keadaan, dan mungkin mereka akan kembali menyokong BN," kata ahli strategi yang tidak mahu identitinya didedahkan.

Menurut beliau, pendirian tegas PAS untuk mengemukakan rang undang-undang persendirian di Parlimen bagi melaksanakan hukum hudud akan menjejaskan sokongan bukan Melayu.

DAP, katanya dijangka mengalami kesukaran untuk menyakinkan pengundi akan isu berkenaan meskipun parti itu tidak menyokong Hudud.

Pengundi di Teluk Intan terdiri daripada berbilang kaum. Jumlah pengundinya seramai 60,620 orang dengan 41.93 peratus orang Cina, Melayu (38.58 peratus) dan India (19.05 peratus).

"Tambahan, pada mana-mana pilihan raya kecil, biasanya jumlah yang keluar mengundi adalah kecil. Terdapat kira-kira 3,000 pengundi tinggal di luar kawasan pilihan raya.

"Oleh yang demikian, jika jumlah yang keluar mengundi jatuh daripada 80 peratus yang dicatat pada PRU lepas kepada 70 peratus, ia sudah tentu akan memberi kesan kepada keseluruhan keputusan," kata ahli strategi itu.

Faktor lain adalah dalam DAP Perak, terdapat cakap-cakap sukar mencari calon yang tepat untuk PRK itu memandangkan ada dua kem di negeri itu.

Bagi pihak BN, besar kemungkinan Presiden Gerakan Datuk Mah Siew Keong dicalonkan semula untuk PRK ini.

Mah, 52, anak tempatan dan mantan Ahli Parlimen Teluk Intan (1999-2008), dianggap sebagai pilihan terbaik BN meskipun beliau tewas kepada Seah pada PRU 2008 dan 2013.

Sumber dalaman parti berkata meskipun Gerakan telah mencalonkan dua nama, seorang dari Teluk Intan dan seorang lagi dari Kuala Lumpur kepada pucuk kepimpinan tertinggi BN, nampaknya Mah bagi tanggapan BN adalah calon yang boleh menang.

Bukan itu sahaja, kedua-dua jawatankuasa pusat parti dan jawatankuasa perhubungan negeri telah melahirkan sokongan untuk Mah, yang sebelum ini pernah menjadi timbalan menteri, untuk bertanding bagi kerusi itu.

Mah dilaporkan mempertimbangkan secara serius untuk bertanding pada PRK itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038091>